



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ucapan AMANAT TAHUN BAHARU 2025

■ ■ YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
■ ■ MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

16 JANUARI 2025 (KHAMIS) | 10.00 PAGI
DEWAN SERBAGUNA, ARAS BAWAH, BLOK 4G1, WISMA TANI



الحمد لله

Marilah kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari yang penuh bermakna ini.

Ucapan Tahun Baharu 2025

Saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2025 kepada seluruh warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Terima kasih juga di atas penganjuran Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 ini.

Penghargaan Komitmen Warga KPKM

Tahun 2024 yang telah kita tinggalkan adalah saksi kepada segala cabaran dan dugaan yang kita tempuhi bersama. Namun begitu, dengan ketabahan, kerjasama erat, serta kerja keras semua pihak, kita telah berjaya mencipta kejayaan yang membanggakan.

Penghargaan Komitmen Warga KPKM

Sepanjang tahun 2024, pelbagai inisiatif telah berjaya dilaksanakan, dan secara keseluruhan, saya amat berpuas hati dengan kerjasama dan komitmen semua warga Kementerian.

Penghargaan Komitmen Warga KPKM

Kejayaan ini bukan sahaja membuktikan kekuatan kita sebagai sebuah pasukan, tetapi juga menjadi landasan kukuh untuk kita mara dengan lebih gagah ke hadapan.

KPKM

Tema Ucapan Amanat:

*‘Memacu Reformasi, Mengukuh
Keterjaminan Makanan Negara’*

PENCAPAIAN 2024: MENYULUH JALAN MENUJU KEMAJUAN

Berpandukan lima hala tuju utama tahun 2023 dan empat fokus industri pada tahun 2024, kita telah bergerak seiring menuju matlamat memperkasa sektor pertanian negara. Antara pencapaian penting yang berjaya direkodkan ialah:

Pertama

Memperkasa Industri Akuakultur



Pengeluaran akuakultur

91.76% daripada
sasaran **500 RIBU** tan
metrik


Pertama

Memperkasa Industri Akuakultur



Pengeluaran akuakultur

91.76% daripada sasaran **500 RIBU** tan metrik



pengeluaran benih tempatan

110% daripada sasaran **7.7 BILION** ekor benih

Kedua

Memperkasa Penglibatan Anak Muda



6,300 peserta dalam pelbagai latihan dan kursus.



815 agropreneur muda mendapat kelulusan Geran Agropreneur Muda (GAM) Start-Up.

Kedua

Memperkasa Penglibatan Anak Muda



6,300

peserta dalam
pelbagai latihan
dan kursus.



50%

daripada usahawan
muda yang terlibat
berjaya meningkatkan
pendapatan mereka.



815

agropreneur muda
mendapat kelulusan
**Geran Agropreneur
Muda (GAM) Start-Up.**



35%

daripadanya mencapai
julat pendapatan
RM2,000 - RM5,000.

Ketiga

Memperkasa Institut Latihan Pertanian



783

graduan telah dilatih melalui program teknikal dan vokasional yang berfokus kepada teknologi moden pertanian.

Penambahbaikan kurikulum hasil kerjasama dengan pemain industri telah meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan kepada

78.1%

meningkat daripada

72.3%

pada tahun 2023.

Keempat

Pencapaian Fokus Industri: Tanaman Nanas



1,674
hektar

kawasan baharu
tanaman nanas
telah dibuka



2,444
kontena

nanas berjaya
dieksport



2,000
peserta

mendapat manfaat.
Pendekatan 'Sekali
Tanam, Tiga Kali Tuai'

Kelima

Pencapaian Fokus Industri: Penanaman Bawang Merah Kecil

Penanaman bawang merah kecil berskala besar
berjaya dilaksanakan di kawasan seluas



59.62
hektar

Kelima

Pencapaian Fokus Industri: Penanaman Bawang Merah Kecil

Penanaman bawang merah kecil berskala besar
berjaya dilaksanakan di kawasan seluas



59.62
hektar



43
peserta

Kelima

Pencapaian Fokus Industri: Penanaman Bawang Merah Kecil

Penanaman bawang merah kecil berskala besar
berjaya dilaksanakan di kawasan seluas



59.62
hektar



43
peserta



44.05
tan metrik

KEJAYAAN 2024: MEMBINA TAPAK KUKUH UNTUK MASA DEPAN

Salah satu kejayaan terbesar yang harus kita banggakan adalah pelaksanaan Program Jualan Agro MADANI

7,043

program telah berjaya dianjurkan di seluruh negara,

140.86%

pencapaian

2,132

lokasi kawasan perumahan berkepadatan tinggi

5,000

sasaran asal program

900

lokasi di kompleks kerajaan

Sambutan Luar Biasa Rakyat

Sambutan luar biasa yang diterima sepanjang pelaksanaan program ini membuktikan betapa pentingnya peranan Kementerian dalam menghubungkan hasil pertanian dengan rakyat, di samping memastikan keterjaminan makanan yang mampan dan berdaya tahan.

Jualan Agro MADANI akan diteruskan

Program Jualan Agro MADANI akan diteruskan pada tahun ini dengan sokongan peruntukan daripada Kerajaan yang membolehkan lebih banyak inisiatif bersasar dilaksanakan, demi manfaat komuniti pertanian serta kesejahteraan negara secara keseluruhannya.



Kejayaan: Skim Takaful Tanaman Padi

Skim Takaful Tanaman Padi (STTP).
Inisiatif ini diperkenalkan sebagai langkah proaktif bagi menyediakan jaringan keselamatan kewangan kepada pesawah yang terjejas akibat bencana alam yang sukar diramal.

Pendaftaran STTP

27,408

permohonan pendaftaran
STTP

10,872

permohonan dari kawasan
MADA dan Kedah

3,078

permohonan dari kawasan
KADA dan Kelantan

13,458

permohonan dari
negeri-negeri lain

90,000

anggaran
keseluruhan layak
daftar STTP sehingga
31 Disember 2024

Oleh itu, saya mahu Agrobank dan semua agensi berkaitan supaya lebih agresif dalam mendaftarkan lebih ramai pesawah ke dalam skim ini.

Kejayaan: Pengeksportan Buah Durian Segar

Melalui usaha gigih Kementerian dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak, kita telah berjaya memeterai protokol eksport buah durian segar, yang membuka laluan baharu kepada pasaran antarabangsa.

Perluasan Pasaran Eksport

Sasaran kita adalah untuk mencapai
nilai eksport durian segar sehingga

RM1.8 BILION

menjelang tahun 2030.

Perluasan Eksport Kepada Komoditi Lain

Selain durian, komoditi lain seperti nangka dan rambutan juga mempunyai potensi besar untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

Perluasan Eksport Kepada Komoditi Lain

Usaha memperluaskan pasaran eksport ke komoditi baharu bukan sahaja akan meningkatkan hasil pertanian negara, tetapi juga memastikan Malaysia kekal sebagai pemain utama dalam pasaran buah-buahan tropika di peringkat global.

Penglibatan Usahawan Bumiputera Dipertingkatkan

Kita mahu melihat usahawan tempatan, khususnya **usahawan bumiputera**, turut serta dalam industri eksport ini, merebut peluang yang tersedia dan memainkan peranan penting dalam rantaian nilai durian.

Penglibatan Usahawan Bumiputera Dipertingkatkan

Kerajaan akan terus menyediakan sokongan dan insentif yang diperlukan bagi memastikan lebih ramai usahawan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

KEJAYAAN 2024:

MEMBINA TAPAK KUKUH UNTUK MASA DEPAN

Kejayaan: Penganjuran MAHA 2024

Sebuah acara berprestij yang mencatat sejarah, bukan sahaja kerana ia diadakan sempena sambutan 100 tahun MAHA, tetapi juga kerana pencapaiannya yang luar biasa. Sepanjang tempoh penganjuran, MAHA 2024 telah berjaya menarik kehadiran seramai 5.51 juta pengunjung dari dalam dan luar negara.



Kejayaan Keseluruhan MAHA 2024

Nilai jualan keseluruhan

RM48.55

juta

81

memorandum bernilai

RM7.20

bilion

209,352

transaksi tanpa tunai Agrobank
Cashless/QR-Pay bernilai

RM4.06

juta

potensi pembiayaan

RM1.57

bilion

jualan cenderamata

RM1.6

juta

beri manfaat kepada

2,000

usahawan dan pempamer



Mini MAHA Sempena Kepengerusan ASEAN – Malaysia 2025

Bersempena dengan Kepengerusan ASEAN pada tahun ini, **Mini MAHA** akan dianjurkan sebagai platform strategik untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama agro antara negara-negara ASEAN. Acara ini diharap mampu menarik lebih banyak pelaburan asing, meningkatkan eksport produk agro tempatan dan memperkasakan peranan Malaysia sebagai peneraju dalam keterjaminan makanan di rantau ASEAN.

Penganjuran HPPNK

Tahun ini juga kita akan menganjurkan Hari
Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan
(HPPNK) 2025 yang akan diadakan di Sabah.



Tumpuan 2025: Reformasi Industri Padi & Beras

TUMPUAN 2025: MEMACU REFORMASI DAN MENGUKUH KETERJAMINAN MAKANAN

Fokus utama kementerian pada tahun ini adalah mereformasi industri padi dan beras negara. Reformasi ini tidak hanya bertujuan untuk memastikan kemandirian bekalan padi dan beras tempatan, tetapi juga untuk membawa industri ini ke tahap yang lebih tinggi dengan mengutamakan pendekatan yang lebih lestari, berdaya saing dan mesra alam.

Tumpuan 2025: Reformasi Industri Padi & Beras

Dalam usaha merealisasikan reformasi industri padi dan beras negara, kita telah merangka langkah utama yang bertujuan meningkatkan daya saing industri, memperkukuh kebajikan pesawah, serta menjamin keterjaminan bekalan beras negara.

Tumpuan 2025: Reformasi Industri Padi & Beras

Langkah yang komprehensif adalah amat penting bagi memastikan bekalan beras dalam negara sentiasa cukup dan terjamin. Tumpuan perlu diberikan kepada beberapa komponen dalam di sepanjang rantai nilai industri pada beras negara seperti berikut:

Tumpuan 2025: Reformasi Industri Padi & Beras

A. Pengukuhan Infrastruktur Pengairan di kawasan dalam Jelapang dan luar Jelapang Padi Negara. Kawasan penanaman padi perlu diberikan fokus untuk ditambah baik dari segi infrastruktur dan pengairan. Fokus perlu diberikan di dalam perancangan RMK13 bagi memastikan ketersediaan pengairan di kawasan-kawasan penanaman padi seluruh negara.

Tumpuan 2025: Reformasi Industri Padi & Beras

B. Pembangunan Jelapang Padi baharu negara di Sabah dan Sarawak. Kerajaan Sabah dan Sarawak amat terbuka dan mengalu-alukan serta menyambut baik hasrat Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi dalm negara. Bagi tujuan itu, perbincangan bersama dengan pihak Sarawak dan Sabah perlu digiatkan untuk membangunkan Jelapang padi baharu negara.

Tumpuan 2025: Reformasi Industri Padi & Beras

C. Pembangunan Semula Sawah-Sawah terbiar di seluruh negara. Usaha untuk meningkatkan penghasilan padi dalam negara perlulah menyeluruh dan komprehensif.

Tumpuan 2025: Reformasi Industri Padi & Beras

D. Pengstruktur semula sistem rantai nilai industri padi dan beras. Saya amat memahami keluhan pesawah kita tentang harga belian lantai padi yang dianggap tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.

Peningkatan Produktiviti Ruminan

Kementerian turut memberi tumpuan yang serius kepada usaha meningkatkan produktiviti ruminan, terutamanya daging lembu dan kerbau. Daging lembu dan kerbau merupakan komoditi agromakanan utama yang sentiasa dipantau oleh Kerajaan dalam memastikan keterjaminan makanan negara mencukupi dan terjamin.

Peningkatan Produktiviti Ruminan

Antara cabaran utama yang dikenal pasti ialah ketersediaan kawasan untuk penternakan, penyeludupan ternakan, penyediaan sumber makanan berkualiti, kadar kelahiran yang rendah dan penularan wabak penyakit.

Penubuhan Jawatankuasa Khas

Sebuah Jawatankuasa Khas Pemerkasaan
Industri Ruminan **telah ditubuhkan pada 22
November 2024.**

Pemeriksaan Industri Ruminan

Fokus utama jawatankuasa ini adalah memperkasa industri ruminan negara agar ia berkembang dengan lebih mampan dan kompetitif.

Pemeriksaan Industri Ruminan

Usaha ini melibatkan beberapa aspek penting, antaranya meningkatkan populasi ternakan bagi memenuhi keperluan domestik, menangani isu penyeludupan yang boleh menjejaskan keselamatan biosekuriti negara, serta memperkukuhkan program pembiakbakaan bagi menghasilkan lembu pembiak dan pembaka berkualiti tinggi.

Tindakan Segera Perlu Dilaksanakan

Saya mahu setiap pihak bertanggungjawab memberi tumpuan penuh agar objektif ini dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

Pelaburan & Penglibatan Pihak Swasta

Kerjasama erat dengan pihak swasta akan memperkasakan industri untuk meneroka potensi baharu, mengadaptasi teknologi moden, serta menggalakkan pertanian yang didorong oleh industri (industry-driven agriculture). Penggunaan teknologi pintar seperti automasi, IoT dan analisis data raya dalam industri strategik bukan sahaja akan meningkatkan produktiviti tetapi juga menambah daya saing produk kita di peringkat global.

Penggemblengan Semua Pihak

Saya ingin menyeru agar lebih ramai pelabur dan pemain industri tampil untuk bekerjasama dengan Kementerian dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab utama dalam pengeluaran produk agromakanan berkualiti tinggi.

Cabaran Mendatang Tahun 2025

CABARAN 2025: BERSEDIA MENGHADAPI DUGAAN

Kita melangkah ke tahun 2025 dengan penuh harapan dan azam untuk memperkukuh sektor pertanian negara. Namun, dalam usaha merealisasikan visi kita, kita tidak boleh alpa terhadap cabaran-cabaran yang bakal mendatang.



Cabaran Mendatang Tahun 2025


CABARAN 2025: BERSEDIA MENGHADAPI DUGAAN

Cabaran perubahan iklim adalah isu yang utama dalam sektor ini. Bagi tujuan itu, kita perlu melakukan inovasi dalam pertanian dan meneroka teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), data raya (Big Data), internet benda (IoT) dan dron perlu dimanfaatkan secara meluas bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan.



Hala Tuju RMK13: Membentuk Dasar Masa Depan

Setiap pelan tindakan yang kita rangka harus berpandukan kepada matlamat jangka panjang untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya saing dalam bidang pertanian serta keterjaminan makanan.



KPKM “*walk the talk*”

Setiap warga kementerian diseru melaksanakan inisiatif pertanian dalam ruangan yang terhad menggunakan kaedah *Vertical Farming* sebagai usaha simbolik Kementerian untuk “*walk the talk*” dalam memperkenalkan kaedah pertanian moden yang boleh dicontohi oleh rakyat.



Jika setiap warga Kementerian mampu mengaplikasikan vertical farming di rumah mereka, ia akan menjadi inspirasi kepada masyarakat umum untuk turut serta dalam usaha meningkatkan keterjaminan makanan negara melalui pertanian bandar yang mampan.

PENUTUP

Cabaran yang menanti di hadapan tidak mungkin dapat kita tangani secara bersendirian. Ia memerlukan sinergi dan sokongan padu daripada semua pihak – Kerajaan, agensi-agensi berkaitan, pemain industri, para petani, nelayan, penternak serta setiap individu yang terlibat dalam ekosistem pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Harapan & Pembudayaan Amalan Kerja Berintegriti

Segala aspirasi yang saya kongsiikan sebentar tadi hanya mampu diterjemahkan menjadi kenyataan dengan iltizam, kesungguhan dan komitmen kita bersama. Saya menyeru kepada semua warga Kementerian agar terus mengamalkan prinsip integriti, kejujuran dan kecekapan, kerana inilah asas kepada perkhidmatan yang berkualiti serta kecemerlangan organisasi.

Semangat Kerja Berpasukan

Saya yakin dengan keutuhan pasukan yang kita miliki, kita mampu menghadapi segala cabaran mendatang, seterusnya memastikan agenda keterjaminan makanan negara terus menjadi keutamaan. Tindakan yang kita ambil perlulah sentiasa bersifat holistik dan proaktif agar keberkesanan penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan.

Ucapan Penghargaan & Terima Kasih

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Kementerian di setiap peringkat. Keringat, usaha dan pengorbanan anda semua dalam menjayakan pelbagai inisiatif bagi kesejahteraan rakyat dan kemajuan sektor pertanian adalah suatu yang amat bernilai.



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ucapan
AMANAT
TAHUN BAHARU *2025*

Sekian, Terima kasih

